

UPM anjur pameran Nyawa 18 Okt.

KUALA LUMPUR 15 Okt. - Bahagian Sumber Agribio, Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan pameran Hasil Alam dan Keajaiban Seni (Nyawa) yang menggabungkan sains dan kerja seni bermula 18 Oktober ini hingga 17 November ini di Galeri Serdang, UPM.

Menurut Timbalan Pengarahnya, Prof. Dr. Faridah Qamaruz Zaman, pameran itu bertujuan berkongsi penemuan saintifik dengan ahli akademik serta memaklumkan kepada orang ramai berhubung koleksi menarik sumber biopertanian yang terdapat di UPM.

“Dalam pameran itu, pelbagai aspek saintifik buah-buahan ditafsirkan, digambarkan dan dipaparkan dalam bentuk seni serta menekankan pengetahuan sains mesti bergerak selari dengan seni kreativiti untuk menghasilkan inovasi penting kepada manusia.

“Siri pameran itu akan menjadi salah satu acara tahunan UPM bertujuan membawa saintis dan artis seni bersama-sama memahami antara satu sama lain,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Faridah, pameran itu akan dirasmikan Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen.

Katanya, sebagai pameran yang diindeks dan dikatalogkan Nyawa akan menyumbang kepada prestasi penerbitan UPM.

Menurut beliau, pameran itu akan dibuka bermula pada pukul 9 pagi sehingga 5 petang dari Isnin hingga Jumaat.

“Orang ramai yang berminat boleh menghubungi talian 03-89471412 untuk maklumat lanjut berhubung pameran tersebut,” katanya.